

# Beregu Idyirwan dan Latius juarai Badminton Terbuka UMS-KAL

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
jainudin@newsabah-  
times.com.my

**LABUAN:** Pasangan Idyirwan Mohd Idris dan Latius Pinut menewaskan Lee Wei Yong dan Asry Abas dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menjuarai acara beregu kategori lelaki terbuka Kejohanan Badminton Jemputan Pusat Kokurikulum dan Pemanjangan Pelajar (PKPP), UMS, Kampus Antarabangsa Labuan di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan, Sabtu lalu.

Dalam pertarungan sengit dan mendebarkan selama 45 minit itu, Idyirwan kakitangan Majlis Keselamatan Negara dan Latius dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan menang 20-22, 21-17 dan 21-18.

Bagi kategori wanita terbuka, pasangan Diana Wi Di dan Lim Wen Mi yang mewakili UMS-KAL muncul

juara selepas menang mudah ke atas Mary Caroline dan Ester Lee 21-17, 21-17 dalam masa 30 minit.

Beregu Mohd Amin dan Tan Kai Yih dari Labuan menewaskan satu lagi pasangan tuan rumah, Mohd Chairil dan Cyril David 21-16, 21-17 untuk mengungguli kategori pelajar lelaki terbuka.

Kategori pelajar wanita terbuka pula dimenangi pasangan dari Labuan, Chean Ann Yee dan Esther Lee yang mengalahkan Diana Widi dan Lim Wen Mi (UMS-KAL) 14-21, 21-12 dan 21-16.

Juara bagi setiap kategori menerima hadiah barangan sukan berupa raket dan sijil penyertaan. manakala naib juara menerima beg sukan dan sijil penyertaan serta pasukan yang mara ke separuh akhir menerima hamper dan sijil penyertaan.

Seramai 156 pemain dari Labuan dan Kota Kinabalu telah menyertai kejohanan tiga hari anjuran PKPP

UMS-KAL itu sempena Karnival Kokurikulum Semester 1 Sesi 2010/2011.

Kejohanan itu dikendalikan oleh Persatuan Badminton Labuan yang diketuai Mejar Balakrishnan A/L Perriannan.

Pengarah PKPP, Prof Madya Abdul Jamal Abd Hamid telah menyampaikan hadiah kepada pemenang pada majlis penutupan program itu di Dewan Utama UMS-KAL malam kelmarin.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj, Timbalan-Timbalan Pengarah PKPP, Prof Madya Dr Balakrishnan Parasuraman (Hal Ehwal Pemanjangan Pelajar) dan Khairil Anwar Dean Kamarudin (Akademik), Penolong Pendaftar Kanan PKPP, Azmi Jumat, Penolong Pendaftar PKPP UMS-KAL, Mas Adi Alimin dan Pengerusi Majlis Penutupan Karnival Kokurikulum, Bong Hee Cuen.



**JUARA LELAKI TERBUKA ...** Idyirwan dan Latius (kanan) menewaskan Lee Wei dan Asry Abas untuk menjuarai kategori lelaki terbuka



**JUARA WANITA TERBUKA ...** Diana Widi dan Lim Wen Mi (kanan) juara kategori wanita terbuka.